



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

Etika Makan Bersama Tetamu

(Bahagian Akhir)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

- (vi) Menghindari daripada bersendawa dengan menyaringkan bunyinya sehingga boleh didengar oleh para hadirin, malahan perbuatan ini termasuk antara perbuatan buruk yang dikeji. Oleh itu sunat merendahkan suara ketika bersendawa sekadar yang termampu dan makruh menyaringkannya dengan sengahaja. Lebih-lebih lagi dilarang bersendawa dengan nyaring jika sampai menyakiti atau mengganggu orang lain dan kadang-kadang perbuatan ini boleh sampai membawa ke tahap haram.

Diriwayatkan daripada Ibnu Umar *Radhiallahu 'anhuma* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* mendengar seorang bersendawa lalu Baginda bersabda:

()

Maksudnya: ***“Tahanlah daripada kami akan bunyi sendawamu. Sesungguhnya mereka yang terlalu kenyang di dunia adalah mereka yang paling lama lapar di hari Qiamat.”***

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Apa yang dimaksudkan dalam hadits di atas ialah menghindari makan sehingga terlalu kenyang. Sendawa merupakan tanda atau alamat bahawa seseorang itu sudah terlalu kenyang. Kerana itulah Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* memberi peringatan mengenai perkara ini.

Maksud kenyang menurut pendapat ulama adalah tahap atau kadar bilamana seseorang itu tidak lagi dikatakan lapar. Adapun sukat-sukat kenyang itu adalah berbeza terpulang pada kebiasaan setiap orang.

Menyentuh mengenai tabiat makan sehingga melebihi had kenyang, sebilangan ulama menghukumkannya makruh, manakala sebilangannya lagi mengatakan haram, lebih-lebih lagi jika mendatangkan mudarat. Bayangkan jika seseorang memaksa dirinya untuk makan sehingga melebihi dari kadar keupayaannya, seperti pertandingan siapa yang paling banyak makan, pasti akan mendatangkan mudarat dan bahaya. Jika ini yang berlaku, maka sepertimana pendapat sebilangan ulama hukumnya adalah haram.

- (vii) Menghindari mengibas-ngibas tangan berhampiran dengan hidangan tempat makan.
- (viii) Tidak memperbesarkan suapan dan tidak makan dengan cepat dengan tujuan supaya individu itu boleh menikmati makanan yang banyak dan menghalang hadirin yang lainnya dari menikmati makanan tersebut. Lebih-lebih lagi jika makanan itu sedikit. Malah ada ulama menghukumkan perbuatan tersebut sebagai haram.
- (ix) Tidak makan melebihi daripada apa yang lazimnya atau kadar kebiasaan yang dimakan oleh individu selainnya, melainkan jika hadirin yang lain redha dan bukan berpura-pura redha atau kerana malu atau untuk menjaga hati individu tadi.

- (x) Tidak bersikap lahap atau rakus, sebaliknya wajib bersikap adil terhadap tetamu yang lain, umpamanya jangan makan dua biji tamar, dua biji anggur, dua potong kuih dan seumpamanya sekaligus. Menurut ulama, jika makanan yang dihidangkan itu tujuannya untuk menjamu satu kumpulan tetamu dan untuk dinikmati bersama-sama, maka tidak harus makan secara *qiran* (dua biji kurma sekali suap ke mulut), melainkan tetamu yang bersamanya itu mengizinkan. Sama ada keizinan itu secara terang-terangan ataupun apa yang seumpamanya, seperti terdapat *qarinah* atau petanda yang kuat, umpamanya dengan sangkaan yang kuat, bahawa tetamu yang lain itu redha (mengizinkan).

Perkara ini telah disebutkan oleh ‘Abdullah bin ‘Umar *Radhiallahu ‘anhuma* bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

•  :

()

Maksudnya: “*Jangan kamu makan secara qiran (dua biji kurma sekali suap ke mulut), kerana Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam melarang makan secara qiran.*”

Kemudian dia (‘Abdullah) berkata: “Kecuali seseorang itu telah mendapat izin daripada saudaranya (yang makan bersamanya).”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Daripada tiga penerangan yang terakhir, dapat diambil pengajaran dan peringatan bahawa perbuatan ‘menapau’ atau membungkus makanan untuk dibawa pulang ke rumah, lebih-lebih lagi ketika hadirin baharu saja menikmati hidangan atau

mungkin masih lagi berhajat kepada makanan tersebut, adalah termasuk dalam makna menghalang tetamu yang lain daripada menikmati makanan. Sikap sedemikian perlu dihindari. Janganlah perkara ini diabaikan dan dipermudahkan kerana tanpa keredhaan tuan rumah juga tetamu yang lain, perbuatan membungkus makanan boleh membawa kepada haram.

Sebagai kesimpulan, menghormati sesama tetamu itu adalah sama penting sebagaimana tuntutan menghormati tuan rumah yang menjemputnya. Maksud menghormati sesama tetamu itu tidak hanya terhad kepada cara percakapan dan pergaulan sahaja, akan tetapi lebih dari itu, iaitu menjaga adab makan sesama tetamu. Antaranya menghindari melakukan atau bercakap perkara yang menjijikkan, wajib bersikap adil terhadap tetamu lain; umpamanya menikmati makanan bersama-sama dan tidak menghalang tetamu lain daripada menikmatinya, mendahulukan yang berumur dan yang mempunyai keutamaan dan mendahulukan kanak-kanak kerana kegembiraannya mendapatkan makanan tersebut.